

06 NOV 2002

BASU-ABDULLAH/I

PERALIHAN KEPIMPINAN LANCAR DI M'SIA BAIK UNTUK MENJANA PERTUMBUHAN

Oleh: Wan Nurzila Wan Abdul Rahman

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Dengan hutang korporat negara disusun semula, kedudukan sistem perbankan dipulihkan dan rancangan bagi peralihan politik tersedia, Malaysia kini sudahpun bersedia untuk meraih manfaat daripada kepesatan permintaan domestik dan luar negara, kata seorang ahli ekonomi.

PK Basu, ketua pakar ekonomi Credit Suisse First Boston bagi Asia Tenggara, memperakui hakikat bahawa peralihan kepimpinan yang licin daripada pemimpin Malaysia sekarang, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kepada penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang dijadualkan berlaku tahun depan, merupakan salah satu unsur yang menjamin pertumbuhan masa depan.

Rancangan peralihan Dr Mahathir mahukan timbalannya, Abdullah, mengambil alih jawatan Perdana Menteri pada bulan Oktober 2003.

Dalam laporan "Penyelidikan Ekonomi Pasaran Baru Muncul" bertajuk "Malaysia: Tersusun dan Bersedia bagi Era Pasca Mahathir", Basu berkata, demokrasi dalaman dalam UMNO telah memastikan peralihan kuasa yang licin pada masa lalu dan berkemungkinan besar memastikan ia berlaku sekali lagi.

"Mekanisme ini seharusnya dapat memastikan satu lagi peralihan kuasa yang licin kali ini - lebih-lebih lagi kerana Abdullah telah membuktikan bahawa beliau merupakan pengganti yang tiada saingan."

Dengan reputasi sebagai seorang yang jujur dan cekap, di mana beliau juga dilabel sebagai 'Mr Nice Guy' dan 'Mr Clean' dalam politik Malaysia, pengambilan alih jawatan Perdana Menteri oleh Abdullah seharusnya dapat menjamin kestabilan negara dan pemulihan dasar-dasar yang lebih orthodox, kata Basu.

Bakal Perdana Menteri ini, katanya, telah memperlihatkan kecekapannya dalam setiap kementerian yang diketuainya, bermula daripada menteri pendidikan, pertahanan, luar negeri, dalam negeri dan kini timbalan perdana menteri.

"Kita percaya beliau akan mewujudkan kerajaan yang terus terang, cekap dan jujur - unsur positif jangka sederhana bagi tanggapan pasaran tentang Malaysia," kata Basu.

Katanya, walaupun jujur, cekap dan serius merupakan kata-kata yang muncul di fikiran apabila menggambarkan Abdullah, sejarahnya yang tidak mudah terikut-ikut dengan arus politik merupakan asas kepada popularitinya yang berterusan di dalam UMNO dan di kalangan pengundi Malaysia.

"Hakikat bahawa pencabar-pencabar hanya memberi tumpuan kepada jawatan timbalan presiden yang akan dikosongkan oleh (Abdullah) Badawi menunjukkan pengaruh kuat Badawi ke atas parti itu kini.

"Kepimpinan beliau juga telah diperakui oleh Barisan Nasional - dan kita percaya beliau hampir pasti menjadi Perdana Menteri selepas bulan Oktober 2003."

Abdullah, kata Basu, telah menerima pujian kerana caranya yang matang dalam menangani keadaan selepas peristiwa yang berlaku pada Perhimpunan Agung UMNO yang lalu apabila Dr Mahathir mula-mula mengumumkan hasratnya untuk meletakkan jawatan. -- BERNAMA

WNZ SHY KY AA